

TEKS UCAPAN
PUAN JAMALIAH BINTI SALLEH
KETUA PROFESION PENGAJAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SEMPENA
SAMBUTAN HARI PENGAJAR KKM TAHUN 2024
PADA
1 JUN 2024
TEMA SAMBUTAN
“PENGAJAR KESUMA BANGSA PELOPOR INOVASI”



Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh**

**Salam Sejahtera dan Salam Malaysia
Madani.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya jua maka pada 1 Jun 2024 ini dapat kita meraikan sambutan Hari Pengajar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2024. Tanggal 1 Jun adalah tarikh istimewa setiap tahun bagi menghargai profesion Pengajar di KKM.
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para Pengajar yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi dan komited dalam menghasilkan graduan berkemahiran dan kompeten sejajar dengan keperluan perkhidmatan kesihatan negara. Pengajar juga adalah pembina tenaga manusia progresif yang menguasai sains dan teknologi moden bagi memastikan generasi akan datang bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Para Pengajar yang dihormati sekalian,

3. Tema Hari Pengajar Tahun 2024: “Pengajar Kesuma Bangsa Pelopor Inovasi” dipilih bertepatan dengan peranan Pengajar

dalam membentuk masa depan bangsa melalui inovasi pendidikan dan pembelajaran. Penekanan kepada kualiti, produktiviti dan modenisasi dalam persekitaran pengajaran dan pembelajaran di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) adalah bukti komitmen Pengajar terhadap pendidikan berkualiti. Pengajar juga perlu meningkatkan keterangkuman penguasaan teknologi digital dalam pendidikan bagi terus membudayakan keunggulan profesionalisme yang berteraskan amalan nilai mulia, penguasaan teknologi digital, dan semangat MADANI.

4. Justeru, KKM dapat melahirkan generasi yang inklusif, berintegriti, serta bermotivasi tinggi untuk kesediaan masa hadapan. Inovasi dalam pendidikan bukan sahaja bermakna penggunaan teknologi, tetapi juga pengamalan nilai etika, integriti dan amalan mulia dalam kalangan Pengajar.
5. Setiap bidang mempunyai peranan yang unik dan penting dalam membentuk ekosistem sains kesihatan yang menyeluruh. Kepelbagaiannya bidang pengajaran ini memerlukan kebersamaan yang holistik dan bersepada di kalangan Pengajar bagi memastikan perpaduan dalam penyampaian pendidikan sejajar misi dan visi ILKKM. Oleh itu, nilai kasih sayang, saling menghormati dan bekerjasama perlu sentiasa menjadi asas dalam setiap tindakan kita.
6. Akhir kata, semoga semua Pengajar terus bersemangat dan berinovasi dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik. Terima kasih atas segala usaha dan pengorbanan anda. Marilah kita terus menjadi Pengajar yang kesuma, pelopor inovasi, dan pembina bangsa yang berjaya.

SELAMAT HARI PENGAJAR KKM

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.

**Ketua Profesian Pengajar
Kementerian Kesihatan Malaysia
1 Jun 2024**